

13 DEC 1998
UMNO-Pindaan
PERHIMPUNAN AGUNG KHAS UMNO

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Perhimpunan Agung Khas Umno bermula di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini bagi meminda perlembagaan parti untuk membanteras politik wang dan memantapkan disiplin serta kecintaan anggota terhadap pertubuhan itu.

Seramai 1,900 perwakilan dari 165 bahagian termasuk anggota Majlis Tertinggi, perwakilan Pemuda dan Wanita menghadiri perhimpunan agung sehari itu untuk membahas dan meluluskan 15 perkara pindaan terhadap perlembagaan parti.

Kali terakhir perlembagaan parti dipinda dalam usaha membanteras politik wang ialah pada awal 1990an sebelum perhimpunan agung tahun 1993.

Perwakilan yang layak menghadiri perhimpunan agung khas ini terdiri daripada mereka yang dipilih pada perhimpunan agung Jun lepas.

Pemansuhan fasal berhubung undi bonus yang digunapakai dalam pemilihan parti yang dianggap kurang berkesan membanteras berlakunya politik wang merupakan antara 15 usul pindaan perlembagaan yang akan dikemukakan.

Sistem peratusan akan menggantikan undi bonus yang mula digunakan pada pemilihan parti 1993.

Sistem itu mencadangkan sekurang-kurangnya 30 peratus pencalonan bagi jawatan Presiden, Timbalan Presiden (20 peratus), Naib Presiden (10 peratus) dan anggota Majlis Tertinggi (5 peratus) daripada keseluruhan 185 bahagian dalam UMNO.

Pada pemilihan parti 1993, sistem 10 undi bonus itu digunakan dalam pencalonan penyandang jawatan Tun Ghafar Baba dan Naib Presiden ketika itu Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi jawatan Timbalan Presiden selain pencalonan jawatan Presiden bagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ghafar sebagai penyandang hanya mendapat tujuh pencalonan atau 70 undi bonus tetapi pencabarnya Anwar mendapat lebih daripada 140 pencalonan atau lebih daripada 1,400 undi bonus yang memaksa Ghafar menarik diri.

Selain itu pindaan akan juga memasukkan fasal baru di mana seseorang anggota Umno yang bertanding sebagai calon bebas atau parti lawan dalam pilihan raya akan dipecat daripada parti dan tidak boleh diterima semula selama-lamanya.

Pindaan juga mencadangkan seorang anggota parti perlu menjadi anggota sekurang-kurangnya dua tahun untuk layak bertanding peringkat cawangan kecuali cawangan baru, tiga tahun untuk jawatan peringkat bahagian dan tiga tahun di peringkat pusat.

Bagaimanapun, bekas anggota Parti Semangat 46 yang dimansuhkan dan menganggotai semula Umno dikecualikan daripada peruntukan itu kerana mereka masuk semula sebelum pindaan itu.

Pindaan juga memperuntukkan lima orang pegawai layak secara automatik untuk mewakili bahagian masing-masing iaitu Ketua, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua-ketua Pemuda dan Wanita.

Selain daripada itu setiap bahagian boleh memilih tidak lebih daripada tujuh orang lagi sebagai perwakilan.

Dengan pindaan itu nanti jumlah perwakilan pergerakan-pergerakan Pemuda dan Wanita dikurangkan daripada masing-masing 30 orang kepada masing-masing 10 orang sahaja.

-- BERNAMA
AKT ZKS AKD